

LATIHAN MENEMBAK PISTOL PU KL



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2369-latihan-menembak-pistol-pu-kl-2

KUALA LUMPUR, 29 Ogos 17 – Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah mengadakan Latihan Menembak Pistol di Lapang Sasar 25 M Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur. Latihan ini dikoordinasikan oleh Skn 102 Provos PU KL dengan penglibatan semua pegawai PU KL dan semua anggota Skn 102 Provos PU KL selama 2 hari iaitu 28 dan 29 Ogos 17. Latihan terdiri daripada 3 praktis menembak pada jarak 10m, 15m dan 20m dengan disusuli Pertandingan Menembak jatuh Piring. Para peserta juga dilengkapi dengan kelas senjata terlebih dahulu sebelum latihan bermula.



